

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis coba membuat beberapa rumusan dan cadangan yang difikirkan agar mendapat manfaat kepada pengguna bahasa Arab. Rumusan dan cadangan ini hasil daripada kajian dan penelitian penulis terhadap bahasa Arab dan khususnya mengenai urutan kata nama derivasi kecil.

5.1 Rumusan

Setelah meneliti dan melihat bentuk-bentuk derivasi dan perubahan-perubahan kata yang membawa pelbagai makna dalam bahasa Arab, maka penulis dapati merumuskan seperti berikut :

- 1- Kata timbang (wazan) memainkan peranan yang penting dalam bahasa Arab bagi menjaga keasliannya dan sebagai satu bahasa yang unggul dan tersendiri. Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa di dunia yang mempunyai kata timbang . Di mana, setiap kata, terutamanya kata kerja dan kata nama mempunyai kata timbang masing-masing.

- 2- Huruf-huruf penambahan yang terdiri daripada huruf-huruf

(سَأَلْتُمُونَهَا) mempunyai fungsi yang utama bagi melahirkan derivasi dalam bahasa Arab. Ia juga berperanan sebagai agen perubahan makna pada perkataan dan mewujudkan variasi makna sesuai dengan konteks ayat.

- 3- Memahami derivasi berpandukan kata timbang adalah sangat perlu kerana ia boleh melibatkan pemahaman variasi makna perkataan atau makna dalam konteks ayat.
- 4- Kajian ini boleh membantu pelajar bahasa Arab mengenali dan memahami makna dalaman bagi setiap kata kerja dan kata nama derivasi kecil. Hal tersebut dapat dilihat dalam contoh seperti KKKl **ضَرَبَ** dan KN Pelaku **الضَّارِبُ** mempunyai makna dalaman seperti *pukul, kata, transitif, bilangan* dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat di dalam perbincangan bab yang kedua dan keempat.
- 5- Kajian ini dapat mengenalpasti kedudukan KN Derivasi kecil di dalam ayat dari sudut posisinya samada sebagai kata tonggak, sisipan dan pelengkap kepada ayat.
- 6- Dengan kajian ini dapat menentukan pemakaian KN derivasi kecil terutamanya KN Pelaku, KN Objek dan KN Perbandingan dengan betul sesuai dengan makna yang di guna pakai dalam konteks ayat.
- 7- Dapat membuat pemilihan yang tepat di antara kata kerja dengan kata nama derivasi kecil yang berpunca daripada kata sumber yang sama

dalam membuat ayat dengan merujuk kepada konteks yang hendak disampaikan.

8- Dengan kajian ini dapat mengenal pasti fungsi kata nama derivasi kecil yang mengambil tugas KK dalam struktur ayat.

9- Hubungan antara kata kerja dan KN Pelaku adalah amat rapat, di mana KN Pelaku mempunyai banyak ciri-ciri persamaan di antara kedua-duanya sehingga dalam konteks ayat yang tertentu boleh ditukarganti antara kedua-duanya.

10- Dengan kajian ini dapat memahami KN Perbandingan dan bentuk pemakaiannya di dalam ayat samada dari sudut kesesuaian genus dan posisinya dalam ayat.

5.2. Cadangan

1- Dengan melihat kepada bentuk-bentuk urutan kata nama derivasi kecil, fungsi-fungsinya dan cara pemakaiannya yang berbeza-beza, maka suatu cadangan praktikal perlu dibuat untuk mengatasi masalah tersebut.

2- Untuk mengenal dan memahami KN Derivasi Kecil perlu terlebih dahulu memahami bentuk-bentuk derivasi dan bentuk perubahan yang berlaku pada kata kerja melalui :

- a- Memahami dan mengingati derivasi kata kerja kala lepas (KKkl) sebanyak 14 bentuk, kata kerja kala kini (KKkn) sebanyak 14 bentuk dan enam bentuk kata kerja imperatif (KKim) serta dapat memahami makna berkaitan dan bentuk pemakaiannya.
- b- Pengguna bahasa Arab hendaklah memahami fungsi huruf - huruf penambahan pada kata kerja dan memahami perubahan makna pada kata kerja yang diimbuhkan dengan huruf-huruf imbuhan berkenaan.
- c- Pelajar bahasa Arab perlu memahami bentuk pemakaian kata timbang pada setiap kata kerja serta mampu memahami perubahan huruf yang berlaku pada kata kerja tersebut.
- 3- Pengguna bahasa Arab diharapkan dapat menggunakan urutan KN Derivasi Kecil melalui kaedah – kaedak yang sesuai supaya dapat memahami konsep derivasi tersebut dengan lebih tepat serta boleh menggunakannya dalam kehidupan harian.

5.3. PENUTUP

Kajian ini diharapkan agar permasalahan tentang pembentukan derivasi kecil dan kaedah pemakaiannya dalam bahasa Arab yang wujud di kalangan pelajar – pelajar bahasa Arab dapat di atasi sebahagiannya. Mudah – mudahan kajian ini dapat memberi